

01/08/2003

Pertubuhan wanita mahu kajian disegerakan

KUALA LUMPUR: Pertubuhan wanita mahu kajian semula undang-undang bagi menyekat penyalahgunaan sistem pesanan ringkas (SMS) dalam kes cerai, disegerakan untuk melindungi martabat wanita.

Presiden Yayasan Azam Wanita, Azlinda Baroni, berkata kajian terperinci mengenai perkara itu perlu dilakukan kerana perceraian melalui SMS menyebabkan wanita terhina dan tidak dihargai.

"Perkara ini perlu dipandang serius," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, semalam.

Mesyuarat Kabinet kelmarin berpendapat perceraian pasangan Islam menerusi SMS tidak sepatutnya dilakukan dan dibenarkan menjadi budaya di negara ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengkaji sama ada enakmen baru diperlukan bagi memastikan penggunaan SMS, emel dan faks tidak disalahgunakan untuk tujuan perceraian.

Persatuan Ibu Tunggal Bunga Tanjung Ampang juga meminta JKSM dan Jakim menyegerakan kajian itu kerana khuatir wujud kekeliruan di kalangan masyarakat.

Presidennya, Siti Zubedah Hazabollah, berkata perceraian melalui SMS boleh dianggap memperlekehkan undang-undang.

Pengerusi Perkhidmatan Hotline MCA, Tai Sim Ywe dalam kenyataannya pula berkata, unsur diskriminasi, prejudis serta penghinaan ke atas wanita perlu dicegah bagi memelihara kehormatan wanita supaya institusi perkahwinan tidak diperlekehkan dengan sewenang-wenangnya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof, berkata perceraian yang dibuat melalui SMS hanya boleh diterima apabila keterangan pasangan suami isteri berkenaan disahkan mahkamah.

Beliau berkata, mengikut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 1984, perceraian di luar mahkamah adalah menjadi kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda RM1,000 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya.

"Perceraian yang dibuat melalui SMS tidak sepatutnya dilakukan kerana lebih wajar suami yang hendak menceraikan isterinya berbuat demikian dengan penuh tertib dan sopan," katanya.

Di KOTA BHARU, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata tiga perkara dalam Islam yang jatuh hukumnya apabila dilafazkan iaitu nikah, cerai dan memerdekakan hamba.

Beliau berkata, apabila seorang melafazkan cerai melalui SMS, maka jatuhlah talak.

Mengenai keperluan mendapat kelulusan Mahkamah Syariah sebelum melafazkan cerai, Nik Abdul Aziz berkata, ia adalah peraturan yang perlu diikuti.

"Undang-undang memang ada kelemahan tetapi dari sudut agama apa ditetapkan tidak boleh berubah," katanya.